



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 27 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	'SERANG' KIPAS ENJIN BOT, LOKAL, HM -10 CUBAAN NELAYAN ASING KELIRUKAN PIHAK BERKUASA GAGAL, NASIONAL, BH -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4. 5. 6. 7.	PESANAN, PENGHANTARAN MANGGA HARUMANIS MENERUSI AIRASIA FOOD DAN AIRASIA FRESH, UTUSAN BORNEO -ONLINE AIRASIA FARM JADI PENGEDAR RASMI HARUMANIS, SH -ONLINE JALIN KERJASAMA DENGAN FAMA PERLIS, AIRASIA FARM MUNCUL SEBAGAI PENGEDAR RASMI HARUMANIS, OH SEMPUT -ONLINE AIRASIA PENGEDAR RASMI HARUMANIS, EKONOMI, UM -36 AIRASIA FARM NOW A DISTRIBUTOR OF HARUMANIS, MEDIA & BRANDING, NST -19	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	KELAINAN RASA TART NANAS MD2, BISNES SINAR, SH -30	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
9. 10. 11. 12.	MODERN FARMING TO BOOST AGRICULTURE IN ISKANDAR M'SIA, NEWS, THE STAR -6 CENDAWAN TIRAM BEKAS PENAGIH, K2, KOSMO -19 TEBUS DOSA LAMPAU DENGAN USAHAKAN CENDAWAN TIRAM, K2, KOSMO -20 AADK NEGERI SEMBILAN BANTU PULIH PENAGIH, K2, KOSMO -21	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2021	HARIAN METRO	LOKAL	10

'Serang' kipas enjin bot

Bot nelayan Vietnam tangkap ikan secara haram di Johor bertindak ganas

Oleh Nurul Amanina Suhaini
am@hmetro.com.my

Mersing

Selepas dikejar hampir dua jam, sebuah bot nelayan Vietnam bersama empat kru ditahan ketika menangkap ikan secara haram kira-kira 10 batu nautika dari Pulau Aur di sini, kelmarin.

Pengarah Perikanan Negeri Johor, Noraishah Hashim berkata, kejayaan suluan operasi bersepadu pihaknya bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Mersing kira-kira jam 4 pagi.

Katanya, berlaku adegan mengejar hampir dua jam yang turut menyaksikan nelayan asing terbabit bertindak agresif dengan cuba merosakkan kipas enjin bot



Vesel berkenaan menangkap ikan di perairan negara pada jam 4 pagi tanpa dokumen sah dan mempunyai empat kru berusia 23 hingga 52 tahun"

Noraishah

pihak berkuasa. "Ia mengambil masa hampir dua jam dengan gerakan taktikal untuk menahantah bot nelayan asing terbabit apabila mereka menggunakan pelbagai tindakan agresif sebelum dapat ditahan. "Hasil siasatan lanjut mendapati vesel berkenaan menangkap ikan di perairan negara pada jam 4 pagi tanpa dokumen sah dan

mempunyai empat kru berusia 23 hingga 52 tahun. "Vesel ditahan termasuk peralatan menangkap ikan, selain kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985," katanya.

Bellau berkata, nelayan dan orang awam diminta memberi kerjasama memaklumkan maklumat berkaitan pencerobohan supaya tindakan lanjut dapat diambil.



BOT nelayan Vietnam yang ditahan kerana menangkap ikan secara haram kira-kira 10 batu nautika dari Pulau Aur, Mersing.

Cubaan nelayan asing kelirukan pihak berkuasa gagal

Kuala Terengganu: Cubaan 13 nelayan Vietnam memasang nombor pendaftaran tempatan pada bot digunakan mereka, dipercayai untuk mengelirukan pihak berkuasa ketika menceroboh perairan negeri ini gagal apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) kelmarin.

Dua bot nelayan Vietnam di kesan menggunakan nombor pendaftaran palsu, TRF1311 dan TRF1132, ditahan ketika menangkap ikan menggunakan kaedah tunda ganding pada kedudukan 35 dan 36 batu nautika timur laut,

“Pemeriksaan mendapati semua kru kedua-dua bot adalah warga Vietnam dan tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri yang sah. Malah nama mereka juga tiada dalam senarai buku lesen kedua-dua bot terbabit.

“Mereka cuba mengaburi penguat kuasa dengan menyamar sebagai bot tempatan, namun usaha mereka gagal,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, susulan tangkapan itu, pihaknya merampas 15,000 liter diesel dan lebih dua tan ikan dengan keseluruhan rampasan, termasuk bot serta peralatan menangkap ikan bernilai RM2 juta.

Muhammad Suffi berkata, seramai 13 kru, termasuk tekong berusia antara 26 hingga 47 tahun ditahan kerana tidak memiliki permit kerja dan dokumen pengenalan diri.

“Kedua-dua bot berserta kru dan tekong ditahan serta dibawa ke Jeti Maritim Terengganu.

“Mereka disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen dan Akta Imig-



Bot nelayan asing yang ditahan Maritim Malaysia Zon Maritim Mersing, di Pulau Pemanggil.

resen 1959/63 kerana tiada pengenalan diri yang sah serta Akta Imigresen 1959/63 kerana menggaji warga asing bekerja tanpa permit sah,” katanya.

Dalam kejadian berasingan, empat nelayan Vietnam dalam seribu bot asing, ditahan ketika menangkap ikan secara haram, kira-kira 10 batu nautika dari Pulau Aur, Mersing, Johor, kira-kira jam 4 pagi kelmarin.

Pengarah Perikanan Negeri Jo-

hor, Noraishah Hashim, berkata penahanan dilakukan ketika pihaknya bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua dan Maritim Malaysia Mersing melaksanakan rondaan bersepadu di perairan berkenaan.

Katanya, tangkapan mengambill masa hampir dua jam susulan nelayan asing itu bertindak agresif, termasuk cuba merosakkan kipas enjin bot pihak berkuasa dalam usaha mengelak ditahan.

Mereka cuba mengaburi penguat kuasa dengan menyamar bot tempatan, namun usaha mereka gagal



Muhammad Suffi Mohd Ramli, Pengarah Maritim Terengganu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Pesanan, penghantaran mangga Harumanis menerusi airasia food dan airasia fresh



Nur Nisya, pekebun Harumanis bersama Pengurus Besar airasia farm (Sabah) Murain Shunmuganathan di ladang mangga Harumanis di Perlis.

BERKUALITI: Nur Nisya, pekebun Harumanis bersama Pengurus Besar airasia farm (Sabah) Murain Shunmuganathan di ladang mangga Harumanis di Perlis.

KUCHING: Pesanan dan penghantaran buah mangga Harumanis dari Perlis secara dalam talian boleh dilakukan

menerusi platform e-dagang Airasia iaitu airasia food dan airasia fresh.

Menurut kenyataan AirAsia semalam, ia berikutan airasia farm (sebelum ini dikenali sebagai OURFARM ASIA) telah bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Jabatan Pertanian (DOA) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis sebagai pengedar rasmi mangga Harumanis.

“Mangga yang hanya boleh didapati di Perlis itu akan tersedia secara eksklusif untuk pesanan dalam talian melalui platform e-dagang Airasia iaitu airasia food dan airasia fresh.

“Pelanggan di Lembah Klang boleh memesan melalui airasia fresh dan menjadualkan penghantaran mereka pada tarikh akan datang.

“Manakala airasia food akan memenuhi permintaan pasaran di Lembah Klang dan tidak lama lagi di Pulau Pinang di mana pelanggan dapat menerima pesanan mereka dalam masa satu jam selepas pembelian.

“Bagi pelanggan di Sabah, airasia farm bekerjasama dengan Foodpanda untuk perkhidmatan pesanan dalam talian dan penghantaran di negeri itu,” katanya menerusi kenyataan itu.

Semua pesanan boleh dibuat mulai 30 April di platform e-dagang yang telah dinyatakan pihaknya.

Sebagai pengedar rasmi dan platform yang menghubungkan petani kepada perniagaan, airasia farm menyediakan perkhidmatan sokongan menyeluruh kepada para petani daripada tuaian sehingga penghantaran termasuk memastikan kebolehan eksport, logistik dan memasarkan produk kepada pelanggan di seluruh Malaysia.

Matlamat jangka panjang airasia farm adalah untuk memberikan nilai yang lebih baik dan memberi manfaat kepada lebih daripada 2,400 petani Harumanis di Perlis supaya mereka dapat menjana pendapatan yang lebih besar untuk tuaian mereka secara dalam talian.

Perkara itu tegas pihaknya, sejajar dengan objektif MAFI untuk mendorong para petani menggunakan platform e-dagang bagi memasarkan produk mereka dalam talian.

Selain inisiatif e-dagang merentas sempadan, air-asia farm turut berusaha mengedarkan mangga yang popular ini kepada peruncit-peruncit utama di Kota Kinabalu sebagai sebahagian daripada strateginya untuk mengukuhkan lagi saluran pengedarannya dan meningkatkan pasaran di Sabah.

Pengurus Besar airasia farm Lalitha Sivanaser berkata, pihaknya amat berbesar hati kerana diberi peluang mengedarkan mangga Harumanis yang terhad ini dari Perlis secara rasmi.

“Ini adalah satu lagi kejayaan untuk airasia farm dan kami ingin mengucapkan terima kasih kepada MAFI, DOA dan FAMA serta rakan logistik kami Teleport, Foodpanda dan Tune Hotel atas sokongan mereka.

“Sejak bulan Jun tahun lalu, kami terus memperluas usaha dan sumber untuk mengembangkan perkhidmatan e-dagang merentas sempadan terutama di Sabah.

“Kami turut menjalinkan jaringan pengedaran yang kukuh dan bekerjasama dengan pengeluar dan pe-ngusaha produk segar tempatan di seluruh Malaysia,” tambahnya.

Dengan memanfaatkan ekosistem Airasia secara keseluruhan, AirAsia berada dalam posisi yang baik untuk menyediakan rantai bekalan yang mampan dan berharap dapat mengedarkan 10 tan mangga Harumanis pada tahun ini untuk menyokong kempen ‘Harumanis Kembali Lagi’ oleh kerajaan.

Harumanis adalah sejenis mangga bermusim dari Perlis yang hanya dapat dituai setahun sekali antara bulan April dan Jun.

Ia mempunyai khasiat tinggi serta kaya dengan vitamin A, B, Magnesium dan Kalium dengan aroma harum dan rasa manis.

Tahun ini, MAFI menjangkakan hasil tuaiannya bernilai RM66.7 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

AirAsia Farm jadi pengedar rasmi Harumanis



Pengurus Besar AirAsia Farm Sabah, Murain Shunmuganathan (kanan) mewakili AirAsia Farm melawat ladang Harumanis di Perlis.

KUALA LUMPUR - AirAsia Farm bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis sebagai pengedar rasmi mangga Harumanis.

Pengurus Besar AirAsia Farm Lalitha Sivanaser berkata, AirAsia Farm berbesar hati kerana diberikan peluang mengedarkan mangga Harumanis yang terhad dari Perlis itu ke seluruh negara.

Menurutnya, perkembangan itu merupakan satu lagi kejayaan AirAsia Farm selepas memperluaskan usaha dan sumber perkhidmatan e-dagang merentas sempadan terutama di Sabah sejak Jun tahun lalu.

Di samping itu, beliau berkata, AirAsia Farm turut menjalinkan jaringan pengedaran yang kukuh dengan pengeluar dan pengusaha produk segar tempatan di seluruh Malaysia.

"Kami berharap dapat mengedarkan 10 tan mangga Harumanis tahun ini. Usaha ini juga untuk menyokong kempen 'Harumanis Kembali Lagi' oleh kerajaan," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Harumanis adalah sejenis mangga bermusim dari Perlis yang hanya dapat dituai setahun sekali antara April dan Jun.

Mangga jenis ini kaya dengan Vitamin A, B, magnesium dan kalium dengan aroma harum dan rasa manis.

Beliau berkata, mangga yang hanya boleh didapati di Perlis itu akan tersedia secara eksklusif untuk pesanan dalam talian melalui platform e-dagang AirAsia: AirAsia Food dan AirAsia Fresh.

"Pelanggan di Lembah Klang boleh memesan melalui AirAsia Food manakala AirAsia Fresh menjadualkan penghantaran mereka.

"Tidak lama lagi di Pulau Pinang pelanggan dapat menerima pesanan mereka dalam masa satu jam selepas pembelian.

"Untuk pelanggan di Sabah, AirAsia Farm bekerjasama dengan Foodpanda untuk perkhidmatan pesanan dalam talian dan penghantaran di negeri itu. Semua pesanan boleh dibuat mulai 30 April 2021 di platform e-dagang yang dinyatakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2021	OH SEMPUT	ONLINE	

Jalin Kerjasama Dengan FAMA Perlis, airasia farm Muncul Sebagai Pengekar Rasmi Harumanis

Apabila tiba musimnya, pastinya buah ini menjadi rebutan dari sebuah negeri di Malaysia iaitu Perlis. Buah yang dimaksudkan adalah mangga Harumanis yang cukup sinonim dengan negeri yang berada nun jauh di Utara Malaysia ini.

Terbaharu, airasia farm dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Jabatan Pertanian (DOA), serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis untuk muncul sebagai pengekar rasmi. Hasrat airasia adalah untuk menawarkan 10 tan buah kepada para peminat buah mangga ini.

Menerusi kerjasama yang dibuat, orang ramai berpeluang menempah mangga Harumanis dengan mudah melalui platform e-commerce airasia iaitu airasia food dan airasia fresh. Difahamkan pesanan untuk buah dengan rasa eksklusif ini sedia ditawarkan bermula 30 April 2021 ini.

AirAsia pengedar rasmi harumanis

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
 shafiqah.shukor@mediamula.com.my

PETALING JAYA: AirAsia Farm telah bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Jabatan Pertanian (DOA), serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perlis, sebagai pengedar rasmi mangga Harumanis.

AirAsia dalam satu kenyataan memberitahu, mangga yang hanya boleh didapati di Perlis itu akan tersedia secara eksklusif untuk pesanan dalam talian melalui platform e-dagang AirAsia iaitu *airasia food* dan *airasia fresh*.

"Sebagai pengedar rasmi dan platform yang menghubungkan petani dan perniagaan, AirAsia Farm menyediakan perkhidmatan sokongan menyeluruh kepada para petani.

"Matlamat jangka panjang kami adalah untuk memberikan nilai yang lebih baik dan memberi manfaat kepada lebih daripada 2,400 petani Harumanis di Perlis supaya mereka dapat menjana pendapatan yang lebih besar untuk 'tuaiannya' mereka secara dalam talian,"



PENGURUS Besar AirAsia Farm (Sabah), Murain Shunmuganathan bersama seorang petani harumanis di ladang harumanis di Perlis, baru-baru ini.

hagian daripada strateginya untuk mengukuhkan lagi saluran pengedarannya dan meningkatkan pasaran di Sabah.

Sementara itu, Pengurus Besar AirAsia Farm, Lalitha Sivanaser berkata, pihaknya mengucapkan terima kasih kepada MAFI, DOA dan FAMA serta rakan logistiknya Teleport, Foodpanda dan Tune Hotel atas sokongan mereka.

"Sejak Jun tahun lalu, kami terus memperluas usaha dan sumber untuk mengembangkan perkhidmatan e-dagang merentas sempadan terutamanya di Sabah.

"Kami turut menjalin jaringan pengedaran yang kukuh dan bekerjasama dengan pengeluar dan pengusaha produk segar tempatan di seluruh Malaysia," jelasnya.

Lalitha berharap mengedarkan 10 tan mangga Harumanis pada tahun ini untuk menyokong kempen 'Harumanis Kembali Lagi' oleh kerajaan.

Harumanis adalah mangga bermusim dari Perlis yang hanya dapat dipetik setahun sekali antara April dan Jun. Tahun ini, MAFI menjangkakan hasil bernilai RM66.7 juta.

gunakan platform e-dagang bagi memasarkan produk mereka di dalam talian.

Selain inisiatif itu, katan-

katanya,

Jelasnya, matlamat itu sejajar dengan objektif MAFI untuk mendorong para petani meng-

gunakan platform e-dagang bagi memasarkan produk mereka di dalam talian.

Selain inisiatif itu, katan-

katanya,

Jelasnya, matlamat itu sejajar dengan objektif MAFI untuk mendorong para petani meng-

SIGNATURE PERLIS MANGOES

AIRASIA FARM NOW A DISTRIBUTOR OF HARUMANIS

E-commerce platform provides end-to-end support for farmers

FARAH ADILLA
KUALA LUMPUR
fb@nst.com.my

AIRASIA Group Bhd's business-to-business e-commerce platform, Airasia farm, is now an official distributor of Harumanis mangoes.

Harumanis is a type of seasonal mango from Perlis which can be harvested only once a year between April and June.

This year, the Agriculture and Food Industries Ministry expects the harvest to be worth RM66.7

million.

AirAsia said in a statement yesterday as an official distributor and a platform connecting farmers directly to businesses, Airasia farm provides end-to-end support for the farmers.

This ranges from sourcing to delivery, including ensuring the product is export-ready, as well as logistics and marketing.

Airasia farm's long-term goal is to benefit more than 2,400 Harumanis farmers in Perlis so that they can generate more income.

This is in line with the ministry's objective to encourage the



Airasia farm (Sabah) general manager Murain Shumuganathan (right) with farmer Nur Nisya at a Harumanis farm in Perlis. The e-commerce platform says it aims to distribute 10 tonnes of Harumanis mangoes this year to support the government's 'Harumanis Kembali Lagi' campaign.

farming community to use e-commerce platforms to market their fresh produce.

Airasia farm general manager Lalitha Sivanaser said since June last year, the company has been extending efforts and resources in the development of cross-border e-commerce, especially in Sabah.

This is in addition to establishing strong distribution networks and collaborative relationships with local producers and businesses across Malaysia.

"Leveraging Airasia's ecosystem as a whole, we believe we are well-positioned to develop a sustainable supply chain and aim to distribute 10 tonnes of Harumanis mangoes this year to support the government's 'Harumanis Kembali Lagi' campaign," she said.

In addition to the cross-border e-commerce initiative, Airasia farm seeks to distribute the sought-after mangoes to key retailers in Kota Kinabalu as part of its strategy to strengthen its dis-

tribution channels and increase product penetration in Sabah.

The signature Perlis mangoes are exclusively available via Airasia's e-commerce platforms, Airasia food and Airasia fresh.

AirAsia said Airasia food will address the on-demand market in the Klang Valley, followed by Penang, where customers can expect their delivery within an hour of purchase.

In Sabah, Airasia farm is partnering with Foodpanda for orders and delivery in the state.

Kelainan rasa tart nanas MD2

Gunakan nanas terbaik dari ladang di bawah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia

Oleh SITI FATIHAH AWANG

TANAH MERAH

Tart nanas di antara kuih raya yang akan menjadi pilihan masyarakat terutamanya untuk dihidangkan kepada tetamu di hari lebaran.

Namun, disebabkan permintaan yang tinggi, ramai pengusaha biskut tersebut sudah mula 'sibuk' menjelang Ramadan, sehingga tidak menangan untuk menyiapkan bahan-bahan asas yang diperlukan.

Perkara yang sama dikongsi seorang usahawan di bawah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Norashikin Mahamad, 35, yang kini mengusahakan tart nanas untuk didedarkan di seluruh negeri.

Walaupun baharu sahaja bermula tidak sampai setahun, namun permintaan yang tinggi terpaksa dipenuhi sejak sebelum Ramadan.

Menurutnya, tart nanas MD2

yang dihasilkannya bersama suami, Asran Alias di Kampung Lalang Pepuyu di sini sudah mula diperkenalkan sejak setahun lalu dan ia mula memasuki pasaran untuk hari raya tahun ini.

"Saya mendapat bekalan daripada dua ladang nanas di negeri ini dan saya akan hasilkan jus untuk dijual.

"Bila kita menghasilkan jus, kita juga akan dapat puri jus tersebut. Maka puri itulah yang saya akan gunakan untuk buat jem nanas tersebut.

"Memang kami menggunakan nanas terbaik dari ladang di bawah LPNM dan rasa jus serta tart nanas yang menggunakan MD2 ini juga lain, lebih sedap daripada nanas biasa," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Selasa.

Puri hasilkan tart nanas

Memiliki empat pembantu untuk menguruskan pembuatan tart tersebut, Norashikin kini menambah dua kakitangan sementara untuk membantu beliau menyiapkan tempahan yang telah dibuat sejak sebulan yang lalu.

Mengulas lanjut, Norashikin



Permintaan di pasaran untuk tart nanas MD2 kini sangat membebankan.

berkata, sebanyak 170 botol jus nanas berkapasiti 250 mililiter dapat dihasilkan melabatkan 100 kilogram nanas MD2.

"Daripada 170 botol jus tersebut, sebanyak 14 hingga 16 kilogram puri boleh dihasilkan untuk tart nanas. Kebiasaannya sekilo puri adalah untuk 170 biji tart nanas.

"Buat masa sekarang, kita boleh buat enam kilo jem sehari dan permintaan ini sudah bermula sejak sebulan sebelum puasa, bila masuk bulan puasa, permintaan lagi berganda.

"Untuk permintaan sebelum ini pun sentiasa habis, memang pelanggan sentiasa ada menanti. Untuk raya kali ini pun sudah diterima sejak sebelum puasa.

"Alhamdulillah, sehingga kini 600 bekas sudah berada di pasaran untuk pengeluaran pertama Ramadan. Semoga kami dapat memenuhi permintaan pelanggan kali ini," katanya.

Ketika ditanya mengenai sasaran perniagaannya, Norashikin memberitahu, beliau turut mertaucang untuk memperkenalkan tart nanas tersebut ke

pasaran luar negeri.

Walaupun masih baharu di pasaran, namun beliau yakin dengan kelainan rasa nanas MD2 dalam tart nanas tersebut akan membawa mereka jauh selepas ini.

Norashikin berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) Third Force untuk Program Pack-Syawal dengan pemberian diskaun pembelian tart nanas tersebut.

Beliau berkata, dengan cara tersebut, golongan asnaf juga berpeluang dan mampu untuk merasa tart nanas MD2 yang dihasilkan mereka.

"Ini kali pertama kami bekerjasama dengan pihak NGO dan kami harap selepas ini banyak lagi kerjasama yang akan dilakukan bagi memastikan ramai orang susah dapat merasa biskut tart nanas ini.

"Kami pun menggunakan bahan-bahan asas yang asli dan ini salah satu rahsia kami dalam menghasilkan tart nanas yang sedap supaya pelanggan sentiasa berpuas hati," katanya.



NORASHIKIN MAHAMAD



Selepas dijadikan jus, puri berkenaan akan digunakan untuk membuat tart nanas.



Nanas yang dikumpulkan untuk dijadikan jus dan penghasilan puri jem tart nanas.



Proses pembuatan tart nanas MD2 dilakukan dengan penuh teliti bagi memastikan struktur biskut tersebut kekal lama.

Modern farming to boost agriculture in Iskandar M'sia

By ZAZALI MUSA
metro@thestar.com.my

PLANS are in the pipeline to venture into modern farming in Malaysia's first economic corridor. Iskandar Regional Development Authority (Irda) chief executive officer Datuk Ismail Ibrahim said three locations had been identified, namely Kulai, Pasir Gudang and Pontian where modern farming could take place.

He said Irda would work closely with relevant agencies and parties to develop and promote modern agriculture activities in Iskandar Malaysia.

Ismail said these included the Agriculture Ministry, Johor Agriculture Department and Universiti Putra Malaysia (UPM), as well as experts in the modern farming sector.

"We are looking at launching the modern farming project either by the end of this year or in the first quarter of next year," he said, adding that Irda hoped to emulate the success stories of The Netherlands, South Korea and Japan in developing modern agriculture activities.

The Netherlands is the world

Kulai, Pasir Gudang and Pontian identified for project to help farmers, reduce dependency on food imports

leader in agricultural innovation, thanks to its use of technology and knowledge. Despite its small size (42,508sq km), the country is the world's second largest food exporter after the United States, as measured by value.

Ismail said instead of requiring a large tract of land, the vertical farming method would be used in Iskandar Malaysia.

"The way forward for us is to modernise farming activities in Iskandar Malaysia to bring high yield and better returns to our farmers and reduce our dependence on food imports," said Ismail.

He added that initially, the modern farming project would focus on vegetables with shorter growing cycles and high demand such as cucumber, tomatoes, lettuce and rock melon.

Ismail said modern farming could be the new sector in Iskandar Malaysia from the existing nine promoted sectors which include food and agro-based products.

He added that Irda was open to domestic and foreign investors, government-linked companies and state-linked companies to invest in the farming project.

He said another option, in developing modern farming, was to engage with existing smallholders to form a consortium to produce products for the domestic and export markets.

He said Irda and the Agriculture Ministry were keen to attract and encourage youths, including those in the urban areas and young entrepreneurs to take up modern farming.

Going forward, he said it would be logical for Irda to venture into growing crops for animal feed once the modern farming project was successful, as well as poultry breeding and animal husbandry.

He said the agriculture sector — regardless of the conventional or modern farming methods — remained relevant in the economic corridor for food security and to reduce currency outflow on



Ismail says Irda wants to develop and promote modern farming activities to reduce dependency on food imports.

imported food.

"We want to take a lead in modern farming techniques not only in the country but also in the Asean region," said Ismail.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/4/2021	KOSMO	K2	19



Menyelami
hidup anda

IK2

11 MASA 27/04/2021

Cendawan tiram bekas penagih

Di AADR Daerah Tampin, negeri Sembilan, apa bekas penagih dadah diberikan peluang kedua dalam hidup dengan menjauhkan Projek Cendawan Tiram yang membolehkan mereka kembali menjadi pendapati dan menghidupkan wang mat keluarga setelah pernah meleburkan wang demi nafs dadah.

Kosmo!

Rencana
UtamaOleh
NORAINNA
HAMZAH

KEHIDUPAN ibarat musnah sekedip mata apabila ditangkap polis lalu disumbat ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) akibat ketagihan dadah.

Itulah antara balasan yang perlu diterima mereka yang membiarkan diri dipengaruhi najis dadah yang menyalahi undang-undang.

Lebih mencabar lagi, mereka bakal berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan dan berhadapan persepsi negatif orang sekeliling semur hidup mereka.

Namun, golongan bekas penagih ini bernasib baik apabila diberikan peluang kedua melalui Program Hijrah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi memastikan Orang Kena Pengawasan (OKP) serta mereka yang dibebaskan dari PUSPEN mendapat peluang kedua.

Di AADK Daerah Tampin misalnya, tiga klien atau bekas penagih diberikan peluang mengusahakan Projek Cendawan Tiram bermula 2 Mac lalu bagi membolehkan mereka berdiikuti dan menjana pendapatan menerusi aktiviti kemahiran sepanjang menjalani program rawatan serta pemulihan di Pusat Integrasi Klien (PIK) Tampin.

Projek berkenaan telah disempurnakan perasmianya oleh Ketua Pengarah AADK, Sutekno Ahmad Belon pada 9 Mac lalu.

Salah seorang klien yang hanya dikenali sebagai Fitri, 31, menyatakan masanya kini terisi dengan aktiviti berfaedah selepas ditempatkan di PIK Tampin selain mendapat peluang pekerjaan di kilang berhampiran.

Menurut lelaki berasal dari Lembah Klang itu, dia dan dua rakannya juga dipertanggungjawabkan mengusahakan 650 bongkah cendawan tiram yang bakal memberikan pulangan lumayan buat mereka bertiga.

"Sebelum ditangkap pada tahun 2019, saya bekerja di sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) selama lebih empat tahun.

"Bila ditangkap dan disabitkan kesalahan serta dimasukkan ke PUSPEN Tiang Dua, Melaka, saya sudah kehilangan pekerjaan," katanya kepada K2.

Menurutnya yang terjebak najis dadah susulan pengaruh rakan sekampung, sejak ketagihan dadah jenis ais (syabu), dia mula tidak memberikan wang kepada ibunya.

"Sebelum itu saya boleh beri mak duit RM300 setiap bulan tapi bila dah ketagihan dadah, saya berhenti beri wang pada mak.

"Malah, sepanjang lebih setahun terlibat dadah, sebanyak RM24,000 duit simpanan saya lebur begitu sahaja untuk membeli dadah," katanya.

Menurutnya, dia kini berhasrat untuk bergelar usahawan cendawan tiram dan kembali memberikan duit kepada ibunya dengan hasil daripada projek



BONGKAH-BONGKAH mengandungi serbuk kayu yang akan mengeluarkan cendawan dipantau setiap hari.

Tebus dosa lampau dengan usahakan cendawan tiram



BEKAS penagih di PIK Tampin, Negeri Sembilan tekun mengusahakan cendawan tiram.



MOHD. SYUKOR (diri) memberikan tip menjaga cendawan tiram kepada seorang klien sambil dipertuahkan Pengarah AADK Negeri Sembilan, Iskandar Turkee (kanan).

berkenaan.

Bagi seorang lagi bekas penagih, Amat, 32, peluang menyertai projek berkenaan banyak membantunya lebih fokus ke arah bidang usahawan tani tanpa memikirkan hal yang boleh menjerumuskannya ke arah penagihan semula.

Menurut anak kelahiran Kedah itu, sekiranya projek berkenaan mendapat sambutan dan mempunyai ramai pembeli, dia akan lebih serius dalam menjadikan projek berkenaan sebagai sumber pendapatan utama.

"Bidang sebegini memang kena dengan jiwa saya. Ini peluang kedua saya untuk berubah dan kembali berbakti kepada ayah dan juga menjalankan tanggungjawab sebagai anak sulung bagi tiga beradik. Mak pun dah meninggal dunia.

"Sebelum ini, saya salah gunakan duit pemberian ibu dan ayah untuk mendapatkan bekalan dadah jenis ganja. Masa tu sekurang-kurangnya saya perlukan sebanyak RM100 seminggu untuk membeli dadah," cerita Amat.

Sementara itu, Pengusaha Cendawan Tiram Gadek, Mohd. Syukor Ahmad berkata, projek berkenaan juga merupakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikatnya, Sinar Syukrawie Enterprise dalam membantu golongan bekas penagih dadah mendapat kemahiran dalam aktiviti usahawan tani.

Syarikat itu bertanggungjawab membimbing bekas-bekas penagih ini dalam tanaman tersebut selain membekalkan bahan tanaman.

Menurutnya, projek cendawan tiram

IMEQ**Projek Cendawan Tiram**

- Dilusahkan dalam bongkah berbentuk seperti botol yang diisi dengan serbuk serbuk kayu di kawasan yang kurang cahaya
- Bongkah disiram setiap hari kerana memerlukan kelembapan, namun perlu dipantau selalu untuk memastikan hujung bongkah tidak ditakungi air. Cendawan akan tumbuh dari muncung bongkah dalam tempoh 45 hari

tidak memerlukan ruang yang besar dan boleh memberikan pulangan minimum sebanyak RM2,550 bagi satu musim dalam tempoh lima bulan bagi 1,000 bongkah.

"Kalau kena penjagaannya dalam tempoh 45 hari dari projek bermula, setiap satu bongkah cendawan akan dapat menghasilkan sekitar 170 gram (g) ke 200g hasil dengan harga pasaran RM15 bagi satu kilogram.

"Bagi kami yang sudah lebih 10 tahun

terlibat dalam projek cendawan tiram, projek CSR ini sangat penting dan cukup bermakna dalam memberikan galakan kepada bekas penagih untuk memulakan kembali kehidupan mereka yang musnah akibat dadah.

Menurutnya, bukan mudah bekas penagih untuk mencari pekerjaan dan menjadi tanggungjawab syarikat seperti memberi peluang kedua kepada golongan berkenaan untuk berubah menjadi lebih baik.

"Kita akan berikan khidmat riasihat membabitkan penjagaan projek hinggalah memasarkan produk berkenaan. Malah, kami juga bersedia berkongsi resipi pekasam cendawan sebagai produk bagi projek ini," katanya.

Mohd. Syukur yang mempunyai tujuh unit rumah cendawan tiram dengan jumlah bongkah melebihi 84,000 berpendapat, projek di AADK Tampin berkenaan mampu diperluas ke daerah lain dan seterusnya memberi kemahiran baharu buat bekas-bekas penagih untuk berdikari dengan aktiviti pertanian sayuran organik selepas tamat menjalani rawatan dan pemulihan.



ISKANDAR (Kanan) melakukan lawatan ke PIK Tampin baru-baru ini untuk melihat perkembangan tanaman cendawan tiram yang dilusahkan.

AADK Negeri Sembilan bantu pulih penagih

AGENSI Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sembilan mengambil langkah proaktif membantu 2,343 bekas penagih dadah atau klien organisasi tersebut di negeri ini melalui projek rintis MyCARE (Client Capital Recovery Empowerment) dalam usaha mengembalikan klien sebagai individu yang berfungsi dalam masyarakat.

Pengarah AADK Negeri Sembilan, Iskandar Turkee berkenaan, projek rintis tersebut adalah susulan persetujuan bersama hasil cetusan idea Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun bagi memulihkan individu yang terbahit dadah.

Menurutnya, pada peringkat awal iaitu pada Disember tahun lalu, kakitangannya mula mengumpulkan data bukan hanya membabitkan klien AADK, bahkan keluarga klien meliputi isteri atau suami, anak serta tanggungan bagi membantu klien dari pelbagai sudut melibatkan kerjasama agensi kerajaan yang lain.

"Sehingga kini, AADK NS telah berjaya mengumpulkan maklumat 1,743 klien di sekitar negeri ini dan kita dapat sebanyak 325 klien serta pasangan memerlukan bantuan dari segi kerjaya termasuklah kerjaya berbentuk kemahiran.

"Berdasarkan data yang dikumpulkan ini, terdapat enam teras utama yang difokuskan iaitu Kerjaya, Spiritual, Kesukarelawan, Bantuan Kepada Klien Memerlukan, Mutual Group Anonymous dan Tani-Neet," katanya ketika ditemui dalam Lawatan ke Projek Cendawan Tiram di Pusat Integrasi Klien (PIK) Tampin baru-baru ini.

Iskandar berkata, berdasarkan projek teras Tani-Neet, setiap AADK di daerah perlu melaksanakan satu projek berbentuk projek pertanian atau berasaskan industri asas

tani (IAT) bermula tahun ini bagi memastikan klien mempunyai kemahiran dalam bidang berkenaan dan seterusnya bergelar usahawan tani.

Malah, menurutnya, projek berkenaan sangat penting lebih-lebih lagi terdapat lebih tiga klien AADK telah berjaya membuktikan diri bergelar usahawan tani atau ternakan sepanjang menyertai latihan keusahawanan semasa menjalani rawatan serta pemulihan di AADK.

"Di AADK Daerah Tampin kita ada projek cendawan tiram, manakala di AADK Daerah Jempol, projek cili membabitkan keluasan suku ekar bagi menempatkan kira-kira 850 polibeg cili dan di AADK Daerah Kuala Pilah projek nanas bakal dijalankan.

"Selain itu, di AADK Port Dickson, projek ikan pekasam serta paku-pakis dilaksanakan dan di AADK Seremban, projek tanaman sayuran kontan kangkung dan kubis diusahakan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, bagi AADK daerah yang tidak mempunyai kawasan berhampiran pejabat seperti AADK daerah Jelebu dan Rembau, langkah serta usaha sama dengan pemimpin tempatan atau Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dilaksanakan bagi mengenal pasti projek pertanian yang sesuai dilaksanakan klien AADK.

"Dalam projek rintis MyCARE, kerjasama agensi kerajaan, Pusat seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sangat diperlukan dalam membantu klien dari segi khidmat nasihat, modal serta kemahiran pemasaran produk selain bantuan syarikat korporat melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR)," katanya.



PROJEK Cendawan Tiram di PIK, Tampin diusahakan di lokasi terlindung cahaya.



CENDAWAN tiram tumbuh pada muncung bongkah.